

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN SIM TONG HIM
(KOTA MELAKA)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) jumlah pelaburan 1MDB di dalam dan di luar negara dan berikan maklumat yang terperinci tentang aset dan untung syarikat ini; dan
- (b) nyatakan usaha Kementerian untuk mengawal serta menyelamatkan syarikat ini.

JAWAPAN

1MDB sebagai sebuah syarikat pelaburan strategik Kerajaan sentiasa telah membuat keputusan pelaburan strategik yang mempunyai nilai pengganda yang tinggi dan berinovasi. Secara umumnya, hala tuju

pelaburan 1MDB adalah dalam empat bidang, iaitu tenaga, hartanah strategik, pelancongan dan hospitaliti, dan perniagaan berasaskan pertanian.

Sehingga kini, 1MDB telah melabur dalam bidang tenaga dan hartanah strategik. Di antara pelaburan yang sedang dijalankan adalah seperti berikut:

1. Sektor Tenaga

Sektor tenaga adalah salah satu sektor penting dalam portfolio pelaburan 1MDB. Melalui anak syarikatnya Edra Energy Sdn Bhd, 1MDB telah berjaya menjadi salah satu pengeluar tenaga bebas antarabangsa yang terkemuka di Asia Tenggara dengan portfolio 13 loji jana kuasa dan penyahgaraman atau *desalination* di lima buah negara (Malaysia, Mesir, Bangladesh, Pakistan, dan Emiriah Arab Bersatu). Edra Energy juga merupakan pengeluar tenaga bebas kedua terbesar di Malaysia, dan terbesar di Mesir dan Bangladesh. Aset-aset tenaga 1MDB ini mempunyai kapasiti penjanaan tenaga

bersih sebanyak 5594 MW, iaitu kira-kira 3112MW (56%) di Malaysia dan 2482MW (44%) di luar negara.

Bagi **sektor hartanah strategik** pula, dua projek utama IMDB adalah seperti berikut:

a. Tun Razak Exchange (TRX)

Projek ini dianggarkan mempunyai nilai pembangunan kasar atau *gross development value (GDV)* sebanyak **RM40 bilion** dan mempunyai jangka masa pembinaan selama 15 tahun. Projek ini mempunyai visi untuk membangunkan Kuala Lumpur sebagai hab kewangan antarabangsa selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah Bandaraya global. Fasa 1 pembangunan TRX dijangka siap pada pertengahan tahun 2018.

Pada tahun 2014, TRX telah memilih sebuah syarikat hartanah dan infrastruktur antarabangsa, iaitu *Lend Lease* sebagai rakan kongsi utama di dalam projek pembangunan '*Lifestyle Quarter*'. Di samping

itu, TRX juga telah menandatangani perjanjian konsesi selama 20 tahun dengan *Veolia Water Technologies Southeast Asia* untuk rawatan air sisa dan bekalan air kitar semula di TRX.

TRX kini juga sedang memuktamadkan beberapa perundingan dengan beberapa syarikat tempatan dan antarabangsa untuk menjadi pemaju dan penyewa utama bagi beberapa plot di tapak TRX.

Dalam masa yang sama, TRX juga sedang bekerjasama dengan pelbagai agensi Kerajaan untuk kerja-kerja peningkatan liputan rangkaian infrastruktur di kawasan pinggir pembangunan TRX.

b. Bandar Malaysia

Bandar Malaysia merupakan projek pembangunan semula lapangan terbang lama Sungai Besi. Pada masa ini projek pembangunan bandar bersepadu ini bersaiz **495 ekar** adalah dalam peringkat memuktamadkan pelan induknya. Ia juga akan menempatkan terminal utama kereta api laju KL-Singapura serta Jajaran Kedua MRT.

Di samping itu, Bandar Malaysia juga akan melaksanakan projek rumah mampu milik yang bercirikan kehidupan moden dan berkualiti. Apabila pelan induk telah dimuktamadkan dan telah menerima kelulusan yang sepatutnya, lebih banyak maklumat mengenai pembangunan tersebut akan dapat dikongsi dengan orang ramai, termasuk kepada penduduk setempat.

Pada masa ini, 1MDB sedang melaksanakan kerja-kerja pembinaan fasiliti baru bagi Tentera Udara Diraja Malaysia, Tentera Darat Malaysia dan Polis Diraja Malaysia di lapan tapak berbeza di seluruh Malaysia dan fasiliti baru tersebut dijangka siap pada akhir 2016.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, 1MDB pada 18 Februari 2015 telah menjelaskan hala tuju syarikat ketika mengumumkan hasil kajian strategik ke atas aktiviti syarikat.

Antara perkara yang diumumkan ialah 1MDB tidak akan menjalankan sebarang pelaburan atau projek baharu dan telah menyusun strategi yang

jelas untuk setiap sektor perniagaannya supaya terus maju dan mampan. 1MDB akan melaksanakan strategi ini dalam jangka masa 12 bulan yang akan datang, dan telah memberi komitmen untuk mengumumkan tindakan-tindakan yang diambil oleh syarikat dari semasa ke semasa.

Selain itu, Penyata Kewangan 1MDB bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2014 telah diaudit oleh firma akauntan ternama di dunia iaitu Deloitte. Pengauditan akaun 1MDB dijalankan dengan begitu teliti dan hanya mendapat *sign-off* daripada Deloitte setelah dipersetujui oleh 15 *partner* firma audit tersebut di Malaysia, serantau (*regional*) dan global. Ini menunjukkan bahawa Deloitte bertanggungjawab dalam memastikan akaun 1MDB bebas daripada sebarang ketidak patuhan (*non-compliance*).

Selain proses pengauditan bebas yang dijalankan oleh Deloitte ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 4 Mac 2015 telah memaklumkan Ketua Audit Negara akan menjalankan kerja-kerja pengauditan ke atas penyata akaun 1MDB. Bagi menjamin ketelusan proses ini, hasil pengauditan akan dipanjangkan kepada Jawatankuasa

Kira-Kira Wang Negara (PAC) untuk makluman dan tindakan PAC selanjutnya.